

Dr. M mahu bumiputera sanggup hadapi risiko untuk maju dalam perusahaan

(P)
MELAKA 3 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu bumiputera sanggup menghadapi sebarang risiko semasa menceburi dalam bidang perusahaan dan perniagaan sekiranya mereka mahu berjaya.

Kata Perdana Menteri, bumiputera juga mestilah sanggup bekerja keras dan menghadapi sebarang rintangan bagi mencapai kejayaan.

"Bumiputera juga sepatutnya sanggup berkongsi perniagaan dengan rakan-rakan yang lain kerana sekiranya mereka gagal sekalipun, risikonya ditanggung bersama," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa merasmikan pembinaan dan penubuhan Golden Valley Golf Resort Sdn. Bhd. di Air Panas, Bemban dekat Jasin, petang ini.

Golden Valley merupakan kompleks rekreasi golf bertaraf antarabangsa yang mempunyai keluasan kawasan 214 hektar yang telah direkabentuk dan dibina oleh Obayashi Corporation dari Jepun.

Apabila siap kelak, padang golf yang mempunyai 54 lubang itu merupakan padang yang kedua terbesar di dunia.

Perdana Menteri menjelaskan masyarakat bumiputera supaya tidak takut dan tergopoh-gapah untuk men-

U. - 4 SEP 1991
jadi 'cepat kaya dalam sekelip mata sahaja.

"Sebab itulah apabila skim cepat kaya Pak Man Telo wujud, orang Melayu merupakan pencarum utama kerana mereka ingin kaya cepat," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat yang kaya di negara-negara maju adalah terdiri daripada golongan yang sanggup bekerja keras dan amanah dalam bidang yang diceburinya.

Menyentuh mengenai projek Golden Valley, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata projek itu sekaligus akan menambah kompleks rekreasi yang boleh menarik ramai pelancong berkunjung ke negeri ini.

Katanya, melalui projek ini bukan sahaja boleh menguntungkan penduduk tempatan kerana menyediakan peluang pekerjaan tetapi juga akan menguntungkan negara menerusi bayaran cukai yang dibuat.

Sementara itu, Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik yang berucap terdahulu daripada itu, menyarankan supaya Golden Valley Golf Resort menubuhkan sebuah akademi golf.

Katanya, dengan adanya akademi tersebut ramai lagi peminat golf akan dapat mempelajari cara dan teknik permainan itu.